



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	20/1/2011

Pak Lah terima Hadiah Raja Faisal, ,

KUALA LUMPUR 19 Jan - Bekas Perdana Menteri Tun Abdullah Ahmad Badawi dianugerahkan Hadiah Raja Faisal (KFIP) yang berprestij itu kerana khidmat beliau kepada Islam.

Satu panel hakim yang dipengerusikan oleh Putera Mahkota Sultan, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan dan Penerbangan Awam, memilih Abdullah sebagai salah seorang daripada tujuh pemenang dalam empat kategori yang berlainan.

Yayasan Raja Faisal, yang menganjurkan anugerah itu, dalam laman webnya berkata, pemenang KFIP untuk 2011 diumumkan pada satu persidangan akhbar Isnin lepas oleh Gabenor Mekah, Putera Khaled Al-Faisal yang juga pengarah yayasan tersebut.

Abdullah, 71, menjadi Perdana Menteri Malaysia kelima pada 31 Oktober 2003 sebelum menyerahkan tampuk pentadbiran negara kepada Datuk Seri Najib Tun Razak pada 3 April 2009.

Menurut petikan, Abdullah dipilih untuk memenangi hadiah itu sebagai pengiktirafan kepada beliau dalam memberikan perkhidmatan cemerlangnya kepada Islam dan Muslim, di dalam dan luar Malaysia.

Pencapaian beliau termasuk mengukuhkan kejasama hubungan dua hala dan multilateral menerusi kepimpinan aktifnya di negara-negara Asia Tenggara, serta memainkan 'peranan utama' dalam mengukuhkan pembangunan ekonomi Malaysia dan menggalakkan kajian Islam.

Bekas Perdana Menteri itu, menurut petikan laman web tersebut, telah menyokong pentadbiran perundangan Islam dan mengukuhkan pemeraksanaan institusi haji di Malaysia.

Abdullah juga merupakan pengasas penubuhan Institut Antarabangsa Kajian Lanjutan Islam pada 2008, sebuah institusi bukan berasaskan politik untuk memperluaskan dan menyemaikan pemikiran Islam.

Dalam kategori kajian Islam, Khalil Ibrahim Inalcik dari Turki dan Muhammad Adnan Bakhit Al-Sheyyab dari Jordan, dipilih sebagai pemenang bersama.

James A. Thomson dari Amerika Syarikat dan Shinya Yamanaka dari Jepun dinamakan sebagai pemenang bersama dalam kategori perubatan sementara dalam kategori Sains, George Whitesides dan Richard Zare, kedua-duanya dari Amerika Syarikat adalah pemenang bersama hadiah itu.

Setiap hadiah bagi empat kategori berkenaan yang diberilkan tahun ini, mengandungi sijil yang menyenaraikan kerja-keja pemenang, hadiah peringatan pingat emas 24 karat dan kuriaan wang tunai sebanyak SR750,000.

Yayasan Raja Faisal ditubuhkan pada 1976 oleh anak lelaki kelapan Allahyarham Raja Faisal, raja ketiga negara itu.

Setakat ini, sebanyak 209 cendekiawan, pemimpin dan saintis dari 40 negara telah dianugerahkan dengan KFIP dalam kategori berlainan. - BERNAMA